



SIARAN AKHBAR

MAJLIS DOA SELAMAT MEMOHON AGAR KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR BAGI PROJEK PENANAMAN PADI BERKELUASAN 500 HEKTAR DI KAWASAN KANDOL (FASA 2), DAERAH BELAIT, BERJALAN DENGAN SEMPURNA

Mukim Bukit Sawat

Hari Rabu, 13 Syawal 1442H bersamaan 26 Mei 2021M

Yang Berhormat Dato Seri Seria Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; dan Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan selaku pengerusi-pengerusi bersama Jawatankuasa Tertinggi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasal Kandol, Daerah Belait telah mengadakan Majlis Doa Selamat bagi memohon kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala agar kerja-kerja infrastruktur bagi Projek Penanaman Padi Kandol Fasa 2 berjalan dengan sempurna, bertempat di *Site Office*, Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol.

Hadir sama di majlis berkenaan adalah Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) selaku Pengerusi Jawatankuasa Operasi dan Pelaburan, dan Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin, Timbalan Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Infrastruktur, Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol Daerah Belait; Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, Ahli Majlis Mesyuarat Negara serta Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Pembangunan. Majlis turut dihadiri oleh Yang Mulia Awang Haji Ramlee bin Haji Jamudin, Pegawai Daerah Belait serta Pemangku Penghulu Mukim Bukit Sawat serta Pemangku Ketua – Ketua Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking.



Acara telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Akup bin Hj Lamat, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Acara kemudiannya diikuti dengan taklimat ringkas yang disampaikan oleh Awang Haji Salleh bin Haji Karim, Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan yang juga selaku Ahli Jawatankuasa Teknikal dan Infrastruktur, Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol Daerah Belait. Seterusnya, Doa Selamat telah dibacakan bagi memohon kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala agar kerja-kerja infrastruktur bagi Projek Penanaman Padi Kandol Fasa 2 berjalan dengan sempurna.

Yang Berhormat Menteri-Menteri berserta para hadirin yang lain kemudiannya dibawa meninjau dengan lebih dekat ke tapak projek fasa 2 bagi melihat perkembangan kerja-kerja penyediaan infrastruktur di kawasan berkenaan.

Pembukaan Kawasan Kandol Fasa 2 ini adalah merupakan kesinambungan kepada Projek Fasa 1 seluas 30 hektar yang telah siap dibuka pada penghujung tahun 2020. Kawasan Kandol Fasa 1 seluas 28.30ha telah ditanam sepenuhnya oleh PaddyCo Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Darussalam Assets Sdn Bhd. Setakat ini, PaddyCo Sdn Bhd telah melaksanakan penanaman di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol selama tiga musim bermula Oktober 2019 dan menghasilkan sekitar 162 tan metrik padi.

Bagi kerja-kerja infrastruktur Fasa 2, peringkat awal seluas 145ha dijangka akan siap dibuka dan dibangunkan pada penghujung tahun 2022 manakala baki sekitar 330ha lagi dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2025, menjadikan keluasan kawasan penanaman padi di Kawasan Kemajuan Kandol seluas 500 hektar.

Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait, adalah merupakan antara usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke arah meningkatkan lagi keluaran serta tahap sara diri bekalan beras Negara dalam memastikan sekuriti makanan bekalan beras di negara ini adalah terjamin. Projek ini antara lain akan mewujudkan kawasan penanaman padi berskala komersial yang berpotensi untuk menjadi jelapang padi negara yang baru yang



berpotensi mengeluarkan hasil sehingga 8000 tan metrik padi iaitu bersamaan dengan 15% keperluan beras negara.

Disediakan oleh:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 13 Syawal 1442 bersamaan 26 Mei 2021